PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

16 – 31 Julai 2012

http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

***Selamat Menyambut Ramadhan al-Mubarak 1433H / 2012.***

# Kongsikan untung RM5 juta kepada 31 pemilik tanah Melayu Kg. Terang - KM

**KUALA LUMPUR –** Ketua Menteri Pulau Pinang menyatakan bahawa Perdana Menteri harus mengarahkan Timbalan Pengerusi UMNO Pulau Pinang, Datuk Musa Sheikh Fadzir dan Pengarah Pilihanraya Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Datuk Omar Faudzar supaya memulangkan keuntungan RM5 juta sebagai broker tanah atau 57 peratus keuntungan yang dikaut dalam 3.5 bulan kepada 31 pemilik tanah Melayu di Kampung Terang, Balik Pulau di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa, walaupun perbuatan kedua-dua pemimpin UMNO tersebut tidaklah haram, namun, tindakan mereka sebagai broker tanah menjual tanah Melayu untuk keuntungan peribadi yang sepatutnya dimiliki pemilik tanah Melayu adalah tidak bermoral dan tidak berprinsip, apatah lagi, apabila mereka mendakwa kononnya mempertahankan hak tanah Melayu.

Mengulas lebih lanjut, Guan Eng menjelaskan bahawa sebelum ini, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain telah mendedahkan skandal pencatutan tanah oleh kedua-dua pemimpin UMNO berkenaan yang membabitkan hampir 10 ekar tanah di Kampung Terang, Balik Pulau :

- Tanah dipindah milik daripada 31 pemilik tanah Melayu kepada Maison Heights Sdn. Bhd. pada 31 Januari 2012 dengan jumlah harga RM8.6 juta;
- Maison Heights Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 6 Mac 2009 untuk tujuan pembinaan, tanah, pelaburan dan pemajuan hartanah serta perdagangan am;
- Maison Heights Sdn. Bhd. mempunyai modal berbayar RM1 juta dan dimiliki Musa dengan RM500,000 saham, Omar (RM499,999) sementara adik Omar, Harun mempunyai RM1 saham.
- Maison Heights Sdn. Bhd. telah menjual tanah tersebut kepada Kay Pride Sdn. Bhd. pada 16 Mei 2012 dengan harga RM13.5 juta.



**ABDUL Halim Hussain ditemani Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy (kiri sekali) menunjukkan dokumen berhubung penjualan tanah Kampung Terang, Balik Pulau oleh dua pemimpin UMNO di sini baru-baru ini.**

"Dalam erti kata lain, Maison Heights Sdn. Bhd. ataupun Datuk Musa (Musa) dan Datuk Omar (Omar) telah mengaut keuntungan hampir RM5 juta daripada transaksi tanah dalam masa 3.5 bulan.

"Keuntungan RM5 juta ini adalah daripada pelaburan asal RM8.6 juta bermaksud margin keuntungan adalah 57 peratus dalam masa 3.5 bulan sahaja – satu keuntungan yang luar biasa dalam masa yang singkat,'' ujarnya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Guan Eng kemudian mempersoalkan bahawa adakah ini caranya pemimpin UMNO mempertahankan hak Melayu – dengan mengaut keuntungan yang sepatutnya dimiliki orang Melayu biasa?

"Sehingga sekarang, mereka (Musa dan Omar) belum lagi menjelaskan bagaimana keuntungan RM5 juta itu boleh membawa manfaat kepada 31 pemilik tanah Melayu tersebut," tegas beliau.

Katanya lagi, dahulu, kedua-dua pemimpin UMNO tersebut telah mengkritik Kerajaan Negeri kerana ingin mengambil tanah Melayu demi mengejar keluar orang Melayu dari Pulau Pinang. Malah, jelas Guan Eng, UMNO juga telah mengkritik Kerajaan Negeri kerana ingin memperoleh tanah 100 ekar di kawasan lain di Balik Pulau untuk tujuan pendidikan dengan mendirikan Asian *Women Leadership University (AWLU)*. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah dimangsakan dengan serangan rasis UMNO walaupun 60 peratus tanah tersebut dimiliki bukan Melayu dan hanya 40 peratus dimiliki Melayu.

"Pendedahan skandal pencatutan tanah oleh pemimpin-pemimpin UMNO membuktikan kemunafikan UMNO yang menguar-uarkan pertahanan hak Melayu, tetapi sebenarnya menggadaikan hak mereka. Jelas bukanlah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang, tetapi, pemimpin-pemimpin UMNO seperti Musa dan Omar yang telah menggadaikan tanah Melayu.

"Justeru, Najib harus menyelamatkan kredibiliti UMNO dengan mengarahkan kedua-dua pemimpin UMNO ini untuk memulangkan keuntungan RM5 juta yang diperoleh kepada 31 pemilik tanah Melayu. Jika mereka adalah broker tanah yang tulen, mereka berhak untuk mendapat komisyen pada kadar pasaran iaitu 2 peratus ataupun RM270,000 dan bukan RM5 juta ataupun kadar komisyen 57 peratus!" tegas Guan Eng.

## Rayuan diterima, tanah Kg. Genting selamat

**BALIK PULAU –** Mengambilkira rayuan penduduk, atas inisiatif khas, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) telah menghantar surat kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Sri Idris Jala pada 10 Julai lalu bagi memohon pertimbangan pilihan tapak pembinaan AWLU ataupun *Asian Women Leadership University* di Kampung Genting, di sini yang menjadi kontroversi baru-baru ini.

Hasilnya, kata persetujuan berjaya dicapai apabila pihak universiti (AWLU) akhirnya bersetuju untuk mengubah lokasi asal mereka ke Jalan Pondok Upeh, di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, surat permohonan dihantar bagi membolehkan kerajaan persekutuan dan pengelola AWLU berbincang dan menimbangkan cadangan dikemukakan memandangkan kawasan Pondok Upeh juga merupakan kawasan strategik bagi tujuan pembinaan universiti terbabit.

"Sebagai balasan kepada surat yang dihantar, ia menyatakan persetujuan bahawa cadangan pemilihan semula lokasi universiti di Pondok Upeh diterima kedua-dua pihak dan tanah di Kampung Genting tidak akan diambil untuk tujuan berkenaan.

"Dengan ini, saya mengisytiharkan projek pembangunan AWLU di atas

***(Sambung di muka surat 9)***

SAMBUTAN HARI JADI KE-74 YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG.

# 1,138 terima darjah kebesaran termasuk



ABDUL Rahman Abbas melakukan pemeriksaan perbarisan hormat Rejimen Askar Melayu Di-Raja di perkarangan Dewan Seri Pinang.



PEKERJA-pekerja Am MPPP & MPSP yang menerima anugerah PJM bersempena Sambutan Hari Jadi ke-74 Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria mendahului senarai 1,138 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat kehormatan sempena Sambutan Hari Jadi ke-74 Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Arifin menerima anugerah Darjah Utama Pangkuan Negeri (DUPN) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

Tiga penama lain menerima Darjah Panglima Pangkuan Negeri (DPPN) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Mereka, Pengasas *Country Heights Group of Companies,* Tan Sri Datuk Paduka Lee Kim Tiong @ Lim Kim Yew, Datuk Seri Kiew Kwong Sen Kelvil (Pengerusi Mini-Circuits Technologies Malaysia), dan Tan Sri Datuk Tan Kok Ping (Pengerusi Magni-Tech Industries Berhad).

Lapan individu menerima anugerah Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) yang juga membawa gelaran Datuk Seri.

Mereka, Panglima Tentera Darat Diraja Malaysia (TLDM), Jeneral Datuk Zukifli Zainal Abidin, Leftenan Jeneral Datuk Wira Allatif Mohamed Noor (Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, UPNM), Y.A. Datuk Zakaria Sam (Hakim Mahkamah Tinggi Pulau Pinang), Datuk Barkath Ali Abu Backer, (Pengarah Urusan Kumpulan Barkath Sdn. Bhd.), Datuk Md Yusuf Che Teh (Bekas Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang), Datuk Loh Cheng Yean (Pengerusi Eksekutif Kah Motor Company Sdn. Bhd.), Tzu Chi Dharma Master Cheng Yen (Pengasas Buddhist Compassion Relief Tzu Chi) dan Datuk Zainol Abidin Datuk Salleh (bekas Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang).



## 'Pengiktirafan kepada pengundi, rangsangan bekerja lebih kuat' – Malik, Patahiyah



ISTERI kepada Abdul Malik Abul Kassim membetulkan pingat yang diterima beliau.

**GEORGE TOWN** – Perjuangan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim sejak tahun 70-an dalam arena politik negeri akhirnya memperoleh pengiktirafan negeri Pulau Pinang apabila dianugerahkan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk.

Pengiktirafan tersebut adalah bersempena Sambutan Hari Jadi ke-74 Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini. Turut menerima anugerah sama adalah Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Ar. Patahiyah Ismail.

Abdul Malik ketika ditemui menyatakan bahawa anugerah tersebut merupakan pengiktirafan kepada beliau yang juga pernah mendapat Pingat Jasa Masyarakat (PJM) pada tahun 1993.

"Bagi saya, ini merupakan pengiktirafan kepada pengundi yang telah memberi amanat kepada saya.

"Bukan untuk diri sendiri semata-mata, malah, saya juga dapat melihat kegembiraan pengundi saya selepas memperoleh pengiktirafan ini," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Patahiyah menyatakan bahawa beliau agak terkejut dengan anugerah yang diberikan. Dalam pada itu, beliau merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang dan mencalonkan dirinya.

"Saya amat berterima kasih. Pengiktirafan tersebut merupakan satu lagi rangsangan untuk saya bekerja dengan lebih kuat selepas ini.

"Saya mungkin tidak nampak, tetapi, pihak di luar nampak kekuatan pihak kita melaksanakan tugas serta hasilnya dan juga semua pihak yang menyokong saya dari awal," ujarnya.

Seramai 1,138 individu telah terpilh sebagai penerima pingat darjah kebesaran negeri sempena Sambutan Hari Jadi Tuan Yang Terutama Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas yang ke-74 baru-baru ini.

Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria telah mendahului senarai penerima dengan penganugerahan Darjah Utama Pangkuan negeri (DUPN) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama.

# pekerja am PBT

Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) yang membawa gelaran Datuk diberi kepada lima orang tokoh.

Seramai 57 orang dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk. Mereka antaranya, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim, Dr. Mujahid Yusof Rawa (Ahli Lembaga Zakat Penang) dan Ar. Patahiyah Ismail (Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP).

Jumlah penerima anugerah lain antaranya 64 orang menerima Darjah Johan Negeri (DJN), 33 Bintang Cemerlang Negeri (BCN) 179 Pingat Kelakuan Terpuji (PKT), 341 Pingat Jasa Kebaktian (PJK), 333 Pingat Jasa Masyarakat (PJM) dan 114 Pingat Bakti Setia (PBS).

Kesemua menerima pingat masing-masing secara berperingkat dalam majlis penuh istiadat di Dewan Seri Pinang, di sini selama empat hari bermula 14 Julai lepas.

Sebelum pada itu, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng pada satu sidang media berkata, Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan kepada Abdul Rahman kerana bersetuju memberi anugerah kepada 10 Pekerja Am MPPP dan 10 Pekerja Am Majlis Parbandaran Seberang Perai (MPSP) sebagai menghargai jasa mereka melakukan kerja-kerja 3D (iaitu) *'Dirty', 'Dangerous', Difficult'*.

"Ini semua suatu kerja yang mulia. Inilah kali pertama pekerja am paling rendah dihargai... kalau dahulu orang-orang besar saja yang terima (anugerah) tapi, kita di Pulau Pinang serlahkan orang-orang kecil yang ikhlas serta mulia untuk menerima anugerah," ujar beliau.





**SETIAUSAHA Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus bergambar kenang-kenangan bersama-sama barisan pengawal keselamatan Kerajaan Negeri.**

# Majlis makan malam dimeriahkan 800 tetamu

**BAYAN BARU –** Majlis makan malam sempena sambutan kelahiran ke-74 Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dihadiri kira-kira 800 tetamu jemputan di sini baru-baru ini.

Majlis yang diserikan dengan persembahan okestra, Okestra P. Ramlee pimpinan Idris Mat Isa turut mengundang penyanyi muda, Nas Adila Mohd. dan serta penyanyi bersuara lunak era 80-an, Razis Ismail.



**KETUA Menteri dan isteri, Betty Chew.**

Sempena majlis tersebut juga, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew serta Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain dan isteri telah menghadiahkan Abdul Rahman album bergambar sepanjang pertadbiran beliau sebagai teraju utama Pulau Pinang. Turut disertakan adalah potret istimewa Abdul Rahman bersama isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Majlis tersebut turut dimeriahkan dengan acara memotong kek dan nyanyian lagu hari jadi oleh para hadirin.

# 'Wira tak disanjung' Skuad 3D dihargai KN

**GEORGE TOWN -** "Saya begitu terkejut dan terharu apabila dimaklumkan pegawai atasan untuk ke pejabat Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi mengambil surat penerimaan anugerah. Saya tidak pernah menyangka akan dihargai sebegini rupa," kata Abdul Ghani Chik, 54, yang merupakan salah seorang Pekerja Am MPPP yang menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM) sempena Sambutan Hari Jadi Ke-74 Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Bagi bapa kepada enam cahaya mata yang telah 33 tahun berkhidmat dengan MPPP, pengiktirafan khas oleh Kerajaan Negeri tersebut merupakan kali pertama diterima beliau.

"Saya tidak sangka dan terharu," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara (BM) di sini baru-baru ini.

Malah, sehari selepas majlis penerimaan anugerah, Abdul Ghani yang berkhidmat di dalam Skuad 3D iaitu *'Difficult', 'Dirty' & 'Dangerous'* (Sukar, Kotor dan Bahaya) MPPP bersama rakan sepasukan lain kelihatan sedang bertungkus-lumus mengeluarkan sampah dari laluan longkang di Jalan Kapitan Keling.

"Masih ramai orang yang bertindak membuang sampah ke dalam longkang sehingga menyebabkan ia tersumbat," ujarnya.

Sesi temubual bersama dua penerima pingat sama, Soon Beng Ee, 58, dan C. Ganesan, 55, dilakukan ketika kedua-dua mereka sedang 'bersembunyi' di dalam longkang Pulau Tikus untuk kerja-kerja pemotongan rumput.

"Sekiranya kami tidak lakukannya, rumput-rumput yang tumbuh akan menyebabkan saluran longkang tersumbat. Kami bukan hanya buat kerja di atas longkang sahaja.

"Di Pulau Tikus, empat hingga lima pekerja yang bertugas bagi memastikan dua tandas dan pasar awam berada dalam keadaan bersih. Malah, kami juga perlu 'menjaga' kawasan Gurney yang mana kadang-kala perlu 'membersihkan' bangkai haiwan yang dibawa ke persisir pantai," jelasnya.

Dalam pada itu, Che Harun Che Min, 53, yang merupakan Skuad 3D Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyatakan bahawa beliau gembira dan penganugerahan tersebut bakal menjadi perangsang kepadanya untuk terus berkhidmat dengan cemerlang.

"Saya bekerja seperti biasa dan sentiasa mengikut arahan yang diberikan pihak atasan.

"Saya telah mencurahkan bakti selama 32 tahun dan ini merupakan anugerah yang berbaloi dalam perjalanan hidup saya,"' jelasnya sambil menyatakan bahawa kejayaan beliau adalah berkat doa dan sokongan isteri serta anak-anak.

Seramai 21 pekerja am pihak berkuasa tempatan (PBT) telah dianugerahkan Pingat Jasa Masyarakat (PJM) sempena sambutan ulang tahun ke-74 Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas di sini baru-baru ini.

Anugerah tersebut adalah insiatif khas Kerajaan Negeri dalam menghargai jasa dan bakti 'wira tidak disanjung' terbabit.



**ISTERI kepada TYT, Toh Puan Majimor Shariff (kiri sekali) bergambar bersama-sama isteri-isteri pucuk pimpinan negeri.**



**AR. Patahiyah Ismail (kiri sekali) ceria sambil ditemani Farizan Darus (kanan sekali) dan Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye.**

Liputan : **YAP LEE YING, ZAINULFAQAR YAACOB & WATAWA NATAF ZULKIFLI** Gambar : **LAW SUUN TING & MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

# ‘Perbahasan PM & Ketua Pembangkang yang patut diadakan’ - KM

**SELANGOR -** Hasrat kerajaan pusat untuk menswastakan Pelabuhan Pulau Pinang kepada pihak ketiga disifatkan sebagai usaha pelanunan kepentingan rakyat di negeri berkenaan, kata Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Beliau berkata demikian semasa sesi soal jawab dalam sesi Debat 2.0 ‘DAP dan MCA: Dasar Mana Siapakah Yang Lebih Memberi Manfaat Kepada Negara?’ sepentas dengan Presiden MCA, Datuk Seri Chua Soi Lek pada 8 Julai lepas.

Bagi Guan Eng, rekod urus tadbir Soi Lek selaku Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dalam memajukan pelabuhan tersebut cukup mengecewakan.

Itu, tidak termasuk pembabitan Soi Lek bersama-sama kerajaan pusat berhasrat untuk menswastakan pelabuhan itu kepada Seaport Terminal (Johor) Sdn. Bhd. yang dikuasai oleh jutawan industri, Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhary.

“Saya rasa sungguh kecewa pencapaian rakan saya (Soi Lek). Mengapa? Tiada pencapaian (cemerlang) langsung.

“Bagaimana kita (rakyat Pulau Pinang) boleh membenarkan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan komersial boleh dikurangkan (diturun taraf) menjadi pelabuhan persinggahan?

“Jika mahu warga Pulau Pinang menerima penswastaan ini, (hasrat kerajaan pusat) ini sebenarnya bukan penswastaan. Tetapi, ini ‘piratisation’ (penlanunan),” kata Guan Eng dalam debat yang berlangsung di Pusat Konvensyen Sunway Piramid, Shah Alam, di sini.

Debat kali kedua ini dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Michael Yeoh sendiri menjadi moderator debat antara dua tokoh ahli politik Cina berkenaan.

Bagi beliau, kerajaan pusat bukan sahaja memberi layanan dingin dalam isu penswastaan Pelabuhan Pulau Pinang, malah, dalam isu menaik taraf prasarana Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang juga.

“Adakah Menteri Pengangkutan telah menjalankan tugasnya untuk memastikan semua lapangan terbang dan pelabuhan kita diuruskan dengan baik?

“Mengapa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang telah tiga kali dilewatkan pembinaannya?

“Mengapa Pelabuhan Pulau Pinang mahu diturunkan taraf kepada pelabuhan pengantara sahaja dan diswastakan pula pihak ketiga yang akan memangsakan rakyat di negeri Pulau Pinang?




CHUA Soi Lek (kanan) menyampaikan pendapatnya sambil diberi perhatian oleh Lim Guan Eng (kiri) dalam Debat 2.0 : DAP dan MCA: Dasar Mana Siapakah Yang Lebih Memberi Manfaat Kepada Negara? anjuran Asli di sini baru-baru ini.

“Mengapa tidak ada rundingan dengan rakyat di Pulau Pinang,” tanya Guan Eng.

Soi Lek dalam reaksi spontan selepas itu cuba memperkecil prospek Pelabuhan Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang untuk berperanan sebagai destinasi Malaysia - Antarabangsa.

“Kadangkala sangat sukar untuk memberi respons kepada rakyat (bahawa) penswastaan ini tiada apa-apa.

“Tiada kapal terbang antarabangsa daripada London datang ke (Lapangan Terbang Antarabangsa) Pulau Pinang kerana ia adalah lapangan terbang serantau, bukan lapangan terbang antarabangsa,” tegas beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng turut meluahkan harapan rata-rata rakyat Malaysia untuk menyaksikan perdebatan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Anwar Ibrahim (Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia) mengenai dasar-dasar utama membabitkan kepentingan rakyat serta negara.

“Kita berkumpul di sini untuk menentukan dasar parti manakah yang lebih boleh memberi manfaat kepada rakyat Malaysia.

“Seharusnya, satu perbahasan patut diadakan di antara Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim. Malangnya Perdana Menteri enggan berbahas dengan Anwar.

“Adakah Najib enggan berbahas dengan Anwar kerana beliau bimbang selepas perbahasan, rakyat akan membuat pernilaian bahawa Anwar lebih layak menjadi Perdana Menteri Malaysia,” soal beliau di depan kira-kira 1,000 hadirin dari pelbagai latar belakang politik yang hadir.

**SINDIR MUTIARA** Oleh: **SAM**



# 361 penjawat awam dirai

Oleh : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**SEBERANG JAYA –** Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Farizan Darus menyeru agar para penjawat awam supaya lebih produktif, berinteraksi secara positif, berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling serta libatkan diri dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ketika dan juga selepas perkidmatan masing-masing.

Malah, beliau turut menekankan bahawa faktor usia bukan menjadi penghalang untuk seseorang penjawat awam untuk terus menabur khidmat bakti kepada masyarakat.

"Cabaran selepas bersara sangat banyak, justeru, jadikan ia satu perkara yang positif.

"Peluang untuk berkhidmat kepada masyarakat terbuka luas kerana mereka ini (penjawat awam yang telah bersara) adalah lebih terlatih dan telah banyak menyumbang kepada negara," katanya pada ucaptama Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Jasamu Dikenang 2011 di sini baru-baru ini.

Bersempena penganjuran tersebut, seramai 275 penjawat awam dari pelbagai peringkat jawatan dan jabatan yang merupakan penerima APC 2011 telah membawa pulang sijil penghargaan serta wang tunai bernilai RM1,000.

Seramai 73 pesara dan 13 waris penjawat awam yang telah meninggal dunia dalam perkhidmatan turut diraikan dalam majlis tahunan berkenaan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. P. Ramasamy, Exco-exco Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang Negeri, Datuk Faiza Zulkifli, Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mokhtar Mohd. Jait serta ketua-ketua jabatan.

Dalam pada itu, bagi Pembantu Syariah, Muhamad Shaari, 45, yang bertugas di Jabatan Kehakiman Syariah berkata, penerimaan anugerah berkenaan merupakan saat yang amat bermakna buat dirinya.



SEBAHAGIAN penerima APC 2011 menunjukkan tanda bagus bersempena pengiktifaran diterima pada Majlis APC dan Jasamu Dikenang 2011 di sini baru-baru ini.



MARUBANTU Retnam.



MUHAMAD Shaari.

"Setelah 15 tahun berkhidmat, inilah kali pertama saya menerima anugerah ini. Saya sangat gembira dan akan berusaha dengan lebih gigih lagi selepas ini," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Bagi pesara Pekerja Awam, Marubantu Retnam, 60, tempoh 36 tahun menabur khidmat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan beliau pengalaman yang cukup luas.

Beliau yang sebelum ini berkhidmat dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), bertekad untuk terus menyumbang serta berbakti kepada masyarakat selepas ini.

Turut menerima penganugerahan kali kedua adalah Lee Sen Soon yang merupakan pemandu kenderaan.

# 200 masjid terima sumbangan Ehya Ramadhan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SUNGAI ARA –** Peruntukan sumbangan RM 213,000 kepada 200 masjid membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) tidak pernah mengabaikan pembangunan hal ehwal agama Islam sebagaimana difitnah pihak tidak bertanggungjawab sebelum ini.

Malah, adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk mengimarahkan masjid di samping memartabatkan syiar Islam di sini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, sumbangan yang diberikan empat tahun berturut-turut membuktikan sokongan Kerajaan Negeri PR terhadap institusi masjid yang merupakan pusat perkembangan ilmu serta pembangunan ummah.

"Sumbangan yang diberikan adalah berupa wang tunai bernilai RM1,000 kepada masjid kawasan, masjid daerah (RM2,000) dan Masjid Negeri (RM5,000)," katanya pada Majlis Penyerahan Sumbangan Ehya Ramadhan di Masjid Al-Huda Sungai Ara di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain dan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman.

Dalam pada itu, Mansor menyeru umat Islam supaya lebih konsisten dalam mengimarahkan masjid kerana ia bukan tempat ibadah semata-mata, tetapi juga boleh dianjurkan program kerohanian dalam melahirkan umat yang beriman, bertaqwa dan progresif.




(Dari kiri), ABDUL Halim Hussain, Mansor Othman, Ketua Menteri dan Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) bersalaman dengan salah seorang penerima pada Majlis Penyerahan Sumbangan Ehya Ramadhan di sini baru-baru ini.

# "Kesal polis enggan gari suspek" - Samad



Abd. Samad Abdul Manaf (tiga dari kiri) menunjukkan salinan laporan polis sambil ditemani Halil Sabri Hamid (dua dari kanan) dan Mohd. Amin Nordin (tiga dari kanan) berhubung tindakan seorang lelaki yang cuba mencederakan Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Ahli Jawatankuasa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Teluk Bahang, Abd. Samad Abdul Manaf yang bertindak menghalang seorang lelaki (suspek) dipercayai cuba menghampiri dan mencederakan Ketua Menteri pada sesi lawatan beliau ke Pasar Awam Teluk Bahang menafikan laporan akhbar arus perdana bahawa berlaku pergelutan dalam kejadian berkenaan di sini baru-baru ini.

Sebaliknya, ketika kejadian (pada 30 Jun lalu) kira-kira pada jam 10.40 pagi, beliau, 39, dimaklumkan bahawa suspek dipercayai anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) datang meluru dari arah belakang dengan niat untuk mencederakan Ketua Menteri.

"Pada masa tu, saya jalan bersama Ketua Menteri dan rombongannya, apabila suspek sudah begitu hampir, saya telah memeluk tengkuk dan menolaknya sedikit jauh.

"Tujuan saya berbuat demikian adalah untuk mempertahankan Ketua Menteri dan sesiapa sahaja yang berada di situ yang mungkin terancam dengan tindak-tanduk berbahaya suspek terbabit,'' katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan Pengerusi JKKK Teluk Bahang, Mohd. Amin Nordin.

Pada 30 Jun lalu, Ketua Menteri bersama pucuk pimpinan Kerajaan Negeri turun padang menghadiri Program Mesra Rakyat Parlimen Balik Pulau di sini. Ketika tiba di Pasar Awam Teluk Bahang, dipercayai ahli kumpulan Perkasa telah berada di lokasi dan bertindak kasar sehingga ingin mencederakan Ketua Menteri.

Mengulas lanjut tentang kejadian itu, Abd. Samad memaklumkan bahawa tiada langsung pergelutan atau pergaduhan berlaku seperti yang dilaporkan sesetengah akhbar arus perdana sebelum ini.

"Walaupun terkena tumbukan di bahagian pinggang, saya tidak melawan untuk mengelakkan kejadian tersebut jadi lebih serius,'' jelasnya.

Dalam pada itu, beliau berasa kesal dengan pihak polis yang enggan menggari suspek walaupun secara terang-terangan bahawa dia (suspek) terlebih dahulu memulakan provokasi.

"Bayangkan kalau pemimpin Barisan Nasional (BN) yang diserang begini, sudah tentu awal-awal lagi penyerang akan menerima akibat dan ditangkap," tegasnya.

Bagi tujuan keselamatan diri dan keluarga, Abd. Samad telah membuat laporan di Balai Polis Teluk Bahang, Balik Pulau sejurus selepas kejadian

# Yusmadi saran tingkat kawalan keselamatan kg.



YUSMADI Yusoff (kiri) menunjukkan kecederaan dialami ibunya, Fatimah Ahmad yang menjadi mangsa rompak bersenjata di kediamannya di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BALIK PULAU -** Ahli Parlimen Balik Pulau, Yusmadi Yusoff menyatakan bahawa kawalan keselamatan di sekitar kampung wajar dipertingkatkan melalui kerjasama semua pihak termasuk kepolisian komuniti, kariah masjid dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) sebagai salah satu inisiatif untuk membanteras jenayah.

Beliau berkata demikian ekoran insiden rompakan bersenjatakan pisau membabitkan ibunya, Fatimah Ahmad, 73, yang kerugian RM33,000 dan cedera pada bahagian muka dalam kejadian pada jam 4 pagi di kediamannya di Kampung Jalan Baru, baru-baru ini di sini.

Kata Yusmadi, dahulu perkara sebegini jarang didengar, jika ada pun, hanya kes-kes kecil seperti kecurian basikal.

"Seandainya SRS baru dapat dilatih, ia dapat mengurang dan membanteras jenayah.

"Walau bagaimanapun, saya berterima kasih kepada semua yang prihatin dan pihak polis yang cekap dan pantas menjalankan tugas," ujarnya ketika menerima kunjungan Y.A.B. Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Turut menziarahi, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika ditemui berharap agar perompak tersebut dapat diberkas secepat yang mungkin.

Sementara itu, Fatimah menyatakan bahawa beliau pasrah dengan apa yang berlaku walaupun terkilan kerana barang kemas (yang dirompak) tersebut dibeli dengan hasil titik peluh bersengkang mata menjual kuih.

"Barang kemas yang sama makcik gunakan untuk gadai kemudian ditebus balik bagi menampung pengajian anak-anak. "Apapun, terima kasih kepada semua yang prihatin dan membantu makcik.

Ada hikmah juga benda (kecurian) ni berlaku, dapatlah makcik berjumpa dengan Guan Eng dan Mansor," ujarnya.

# Subsidi RM10 juta untuk tambang bas percuma



**KETUA Menteri, Chow Kon Yeow (tiga dari kanan) bersama barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan surat yang telah dihantar kepada pihak kerajaan persekutuan berhubung cadangan perkhidmatan tambang bas percuma dengan subsidi RM10 juta setahun daripada Kerajaan Negeri.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sebagai ganti kepada projek monorail yang belum lagi 'dilaksanakan' kerajaan pusat di sini, Kerajaan Negeri bersedia memperuntukkan subsidi RM10 juta setahun kepada Syarikat Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) untuk memberikan tambang bas percuma pada waktu puncak kepada seluruh rakyat di seluruh negeri ini.

Inisiatif yang bertujuan bagi menangani kesesakan trafik di sini lazimnya telah dipersetujui secara lisan oleh pihak Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Kumpulan Prasarana Negara Berhad (Prasarana).

Persetujuan tersebut adalah meliputi perkhidmatan tambang percuma Rapid Penang pada waktu puncak iaitu tujuh jam setiap hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) dari 6 hingga 9 pagi dan dari 4 petang hingga 8 malam.

Bagaimanapun, sejak persetujuan secara lisan pada 30 November 2011 dan susulan perutusan tiga pucuk surat masing-masing bertarikh 21 Disember 2011 kepada Pengarah Urusan Kumpulan Prasarana, Datuk Shahril Mokhtar; Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Syed Jaafar Albar (13 Jun 2012) dan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (21 Jun 2012), Kerajaan Negeri kini masih belum menerima sebarang maklum balas berhubung perkara berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng berkata, komitmen Kerajaan Negeri dalam merealisasikan hasrat tersebut adalah amat tinggi apabila tiga surat telah dihantar kepada SPAD, Prasarana dan Jabatan Perdana Menteri bagi menjayakan hasrat meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di sini.

"Kerajaan Negeri terpaksa *'think out the box'* demi mencari penyelesaian kepada masalah kesesakan lalu lintas di negeri ini. Di mana kita (Kerajaan Negeri) hanya mempunyai bas sebagai jalan penyelesaian. Walaupun dahulunya pernah dijanjikan monorail, hingga kini tiada sebarang hitam putih diberikan," katanya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng memberitahu, pada 30 November tahun lalu, satu rombongan Kerajaan Negeri diketuai oleh beliau sendiri dan dianggotai Ahli Parlimen Bukit Bendera, Liew Chin Tong dan Tony Pua telah bertemu dengan rombongan Prasarana diketuai Pengarah Kumpulan Prasarana, Zohari Sulaiman di Hotel Gardens, Kuala Lumpur.

"Hasil daripada rundingan tersebut, Zohari telah menerima cadangan kami (Kerajaan Negeri) dan membuat unjuran bahawa subsidi RM10 juta setahun adalah mencukupi untuk meliputi perkhidmatan tujuh jam setiap hari bekerja.

"Jumlah susidi RM10 juta juga merangkumi pembayaran sedia ada untuk perkhidmatan tiga buah bas CAT dalam warisan George Town dan bas BEST (16) yang menyeberang antara Seberang Jaya dan Bayan Lepas pada waktu puncak yang beroperasi kini.

"Kita percaya, sekiranya inisiatif itu dilaksanakan, ia mampu mengurangkan kadar kesesakan lalulintas dan sekaligus menggalakkan penggunaan perkhidmatan bas secara percuma dalam kalangan rakyat negeri ini," ujar beliau.

Jesteru, demi kepentingan umum, Guan Eng menggesa agar kerajaan persekutuan dapat menyelesai dan memberikan pertimbangan sewajarnya pada kadar secepat mungkin berhubung permintaan dikemukakan.

Dalam pada itu, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, sebanyak RM50,000 sebulan diperuntukan bagi perkhidmatan tiga buah bas CAT di sekitar bandar George Town setiap hari. Manakala, RM160,000 untuk 16 buah bas BEST yang beroperasi lima hari seminggu.

Tambah Kon Yeow, Rapid Penang dijangka bakal menerima tambahan 80 buah bas pada penghujung Disember 2012 nanti.

"Dengan penambahan tersebut, Kerajaan Negeri percaya ianya dapat menampung dan meluaskan perkhidmatan bas percuma di seluruh kawasan Pulau Pinang pada waktu puncak," ujar Kon Yeow.

## KN tawar tanah untuk pusat bina 300 'Rumah Hijau Mak Mandin'

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUTTERWORTH -** Pulau Pinang menawarkan sebidang tanah milik Kerajaan Negeri berhampiran Rumah Hijau Mak Mandin, di sini untuk dibeli oleh kerajaan pusat lalu dibina lebih 300 unit rumah pangsa bagi penempatan semula penduduk berwajib.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, cadangan tanah seluas 2.06 ekar berhampiran jalan utama melalui Jalan Mak Mandin 5 itu turut dipersetujui oleh Persatuan Penduduk Rumah Hijau Mak Mandin.

"Pada minggu lepas, kami (Kerajaan Negeri) telah berbincang dengan penduduk kawasan (Rumah Hijau Mak Mandin) untuk memilih tapak ini supaya kerajaan pusat boleh membina rumah mampu milik penempatan semula lebih 300 penduduk berkenaan ke tempat ini," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke lokasi tanah dicadangkan di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng turut serta meninjau tanah berkenaan yang kini masih menempatkan tiga rumah kedai, sebuah stor dan dua bengkel membaiki kenderaan berat tanpa kelulusan Kerajaan Negeri.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, satu surat rasmi susulan serta pelan lokasi tanah telahpun diutuskan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Datuk Farizan Darus kepada Datuk Ramlan Harun (Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) pada 29 Jun lepas.

Beliau berkata, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Chor Chee Heung diharap dapat turun menyaksikan tapak berkenaan lalu menyegerakan proses susulan demi kepentingan penduduk berwajib.

"Seperti yang dipertegaskan, penduduk asal (Rumah Hijau Mak Mandin) bukan 70 keluarga tetapi lebih 300 keluarga yang kebanyakan berpindah ke rumah pangsa Mak Mandin.

"Maka, lebih 300 unit rumah mesti dibina. Semua penduduk asal mesti diberi pilihan, sama ada untuk kekal di Rumah Hijau Mak Mandin atau berpindah ke rumah baru yang lebih dekat dengan Rumah Hijau Ampang Jajar ini. Itu lah yang dituntut oleh persatuan penduduk," ujarnya.

Sementara itu, Hock Seng turut berkata, beliau tidak pernah menabur janji kosong kononnya untuk memindah kembali semua penduduk berwajib ke Rumah Hijau Mak Mandin semasa Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) seperti yang dituduh Penyelaras Barisan Nasional (BN) Parlimen Bagan, David Chua.



**SALINAN surat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dihantar kepada Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 29 Jun lepas.**

"David Chua dicabar tunjuk bukti bahawa saya pernah berkata demikian. Kalau tidak, dia tak jujurlah. "Kerajaan Negeri Pulau Pinang (era) BN dulu sepatutnya tak menswastakan tanah itu sehingga mengabaikan kehidupan rakyat...tetapi, patut bina rumah kos rendah di sana (tapak Rumah Hijau Mak Mandin)," ujarnya.

Penduduk asal Rumah Hijau Mak Mandin dilihat terpinggir sejak 2004 lagi apabila Kerajaan Negeri Pulau Pinang era BN sanggup menjual tanah itu kepada pihak swasta. Pun begitu, pentadbiran Guan Eng sejak Mac 2008 enggan mengusir lebih 70 keluarga berbaki di atas tanah berkenaan sungguhpun Kerajaan Negeri berdepan risiko saman oleh pemilik tanah dan pemaju sekarang.

PUCUK PIMPINAN DI PARLIMEN BALIK PULAU.

# Kekecohan tidak luntur semangat turun padang



SEBAHAGIAN penduduk pelbagai lapisan bangsa dan umur yang hadir pada Majlis Pelancaran WiFi Percuma di Dewan Sri Pantai, Bayan Lepas di sini.



Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**TELOK BAHANG –** Program Santai bersama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bersama penduduk Telok Bahang dicemari dengan insiden kekecohan dicetuskan kira-kira 50 ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dipercayai Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) di sini baru-baru ini.

Kekecohan tercetus apabila mereka 'dibenarkan' mengadakan perhimpunan aman di perkarangan Pasar Awam Telok Bahang bagi meluahkan rasa tidak puas hati terhadap pentadbiran Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, adegan tolak-menolak dan pergelutan berlaku apabila salah seorang ahli Perkasa bertindak mendekati dan menolak Ketua Menteri.

"Walaupun dia (ahli Perkasa) sempat menolak saya, saya tidak dicederakan hasil usaha seorang pemimpin Pakatan Rakyat (PR) tempatan yang berjaya menghalang pemuda tersebut.

"Sikap 'tidak peduli' polis mungkin telah menyebabkan pemuda tersebut memberanikan diri menyerang saya," ulas Ketua Menteri yang meminta pihak berkuasa tersebut menimbang semula 'sikap' sedemikian bagi mengelakkan persepsi awam bahawa mereka (polis) membenarkan taktik ganas Perkasa untuk mengugut pemimpin PR," kata Guan Eng pada satu kenyataan akhbar.

Beliau menyatakan bahawa, walaupun kekecohan tercetus, ia tidak melunturkan semangat dan hasrat pimpinan Kerajaan Negeri untuk turun padang dan berjumpa dengan masyarakat setempat.

"Saya percaya, rakyat kini pandai menilai dan saya serahkan kepada rakyat terutama saksi pada hari kejadian untuk menilai tindakan Perkasa itu," ujarnya.

Bersempena program tersebut, Ketua Menteri bersama pucuk pimpinan negeri termasuk Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain dan Ahli Parlimen Balik Pulau, Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff sempat meluangkan masa bersama penduduk di Pasar Awam Telok Bahang. Malah, beliau turut menyampaikan sumbangan Kerajaan Negeri kepada 20 warga emas, 20 ibu tunggal dan 10 pelajar cemerlang bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Telok Bahang.

Di samping itu, Ketua Menteri dan pucuk pimpinan turut merasmikan *Plenitude Penang International Dragon Boat Festival 2012* di Empangan Telok Bahang dan melawat pekan Balik Pulau sebelum menyertai Program Hari Mesra Penduduk Flat Lily Bersama Ketua Menteri di Titi Serong di sini.

Beliau turut menghadiri majlis perkahwinan salah seorang kakitangan Pejabat Ketua Menteri, Idzham Ahmad di Kampung Paya, Simpang Empat di sini.

# Turun padang perjelas fakta & isu sebenar – Mohd. Yusmadi



PASANGAN pengantin bergambar kenang-kenangan dengan para tetamu yang hadir di Kampung Paya, Simpang Empat. Ketua Menteri dan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff turut singgah di majlis keraian berkenaan.

**BAYAN LEPAS –** Kehadiran konvoi motosikal berkuasa besar yang mengiringi Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ternyata menarik perhatian segenap penduduk di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas terutama penduduk di Flat Bandar Perda, Teluk Kumbar, di sini.

Ketua Menteri, dalam siri lawatan dan turun padang ke Parlimen Balik Pulau berkata bahawa, program turun padang berjumpa dan mendekati masyarakat setempat adalah baik supaya pucuk pimpinan tahu keadaan rakyatnya dan sentiasa 'bersama' rakyat.

"Apabila kita (pucuk pimpinan dan wakil rakyat) turun padang, lihat keadaan masyarakat, kita cari jalan penyelesaian dan segera bantu rakyat, ambil tindakan apa yang perlu dilakukan.

"Ini (turun padang) penting supaya masyarakat tahu Kerajaan Negeri adalah kerajaan yang berjiwa rakyat, dari rakyat dan untuk rakyat," kata beliau ketika berucap merasmikan Majlis Jamu Selera Pulut Durian dan Buah-buahan Tempatan sempena lawatan Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Guan Eng, bersama beberapa pucuk pimpinan negeri turun sendiri ke setiap kawasan Parlimen bagi memastikan masalah-masalah yang dihadapi masyarakat setempat dapat diselesaikan dengan cara berhemah dan segera.

"Walaupun terdapat sedikit kekecohan oleh Perkasa (pertubuhan bukan kerajaan, NGO) pada awal lawatan saya pada hari ini, namun, hasrat murni untuk berjumpa masyarakat Balik Pulau tidak pernah pudar.

"Saya percaya, jika niat kita ikhlas, segalanya akan lancar walaupun terdapat halangan-halangan pada awalnya," ujar Guan Eng yang agak terkilan dengan tindakan Perkasa yang membuat demonstrasi ketika lawatan beliau ke Pasar Telok Bahang.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Balik Pulau, Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff yang turut serta menyatakan pendirian Kerajaan Negeri dalam memastikan kelestarian hidup rakyat Pulau Pinang sama ada dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat desa dan juga pembangunan fizikal serta fasiliti di Balik Pulau.

"Pimpinan Kerajaan Negeri amat komited dengan apa yang hendak dilakukan dan semestinya pucuk pimpinan yang turun pada hari ini adalah untuk memenuhi tuntutan masyarakat dan mendekati rakyat di Parlimen Balik Pulau.

"Selain itu, perlunya kami (pucuk pimpinan) turun padang pada hari ini adalah bagi memberi penjelasan mengenai fakta dan isu sebenar kepada rakyat memandangkan kita tidak menguasai media cetak sebagai medium penerangan," ujar beliau ketika berucap di hadapan kira-kira 600 penduduk sekitar Taman Perda, Teluk Kumbar di sini.

Ketua Menteri dan pucuk pimpinan sebelumnya turut merasmikan *Penang Free WiFi* di dua lokasi, Dewan Sri Pantai, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Batu dan Flat Taman Perda serta turut meluangkan masa kira-kira 30 minit di Majlis Perasmian Pusat Komuniti dan Pasukan Peronda Sukarela bagi JKKK Gertak Sanggul di sini.

Hadir sama dalam lawatan tersebut, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow; Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik.

*(Sambung dari muka surat 1).*

tanah Kampung Genting dibatalkan demi kebajikan rakyat,'' katanya pada sidang media selepas perjumpaan bersama penduduk serta pemilik tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya pada 22 Julai lalu di sini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain, Ahli Parlimen Balik Pulau, Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus.

Sebelum ini, AWLU telah diluluskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 10 Februari 2012 sebagai projek utama pendidikan dalam usaha mentransformasikan Malaysia kepada ekonomi pendapatan tinggi. Idris, pada 12 Jun 2012 telah meminta Kerajaan Negeri untuk memulakan proses pemindahan milik tanah 100 ekar kepada AWLU.

Ekoran itu, lebih 40 pemilik tanah dari pelbagai bangsa telah mengadakan perbincangan tertutup dengan Guan Eng di Komtar, George Town pada 3 Julai lalu gara-gara bimbang dengan hasrat pusat membina AWLU di kampung mereka.

Hasil perbincangan, Guan Eng menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri sekadar memudahcara hasrat kerajaan pusat mengambil alih tanah tersebut sebagaimana peruntukan Akta Pengambilan Balik Tanah, 1960.

Guan Eng kemudian turut mengemukakan surat hitam putih bertarikh 12 Jun lalu (daripada Idris) yang menyebut mengenai hasrat kerajaan pusat untuk membina AWLU di Kampung Genting. Kerajaan Negeri turut diminta untuk memudahcarakan hasrat berkenaan.

Tambah Guan Eng, pada mulanya, kawasan Pondok Upeh merupakan cadangan lokasi utama dikemukakan kepada pengelola AWLU selain Batu Kawan di Seberang Perai Tengah.

"Lokasi di Batu Kawan ditolak dan Kampung Genting dipilih berikutan lokasi terbabit dikira lebih sesuai.

"Bagaimanapun, proses pengambilan tanah Kampung Genting tidak akan diteruskan selepas mengambil kira rayuan dikemukakan penduduk. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri mengenepikan perbezaan politik dan bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan persekutuan demi pembangunan pendidikan di Balik Pulau," jelas beliau.



**ANTARA penduduk yang hadir pada perjumpaan bersama pucuk pimpinan negeri berhubung isu penubuhan AWLU di Kampung Genting di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya pada 22 Julai lalu di sini.**

# Terap nilai murni dalam tetangga - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng menyeru rakyat Pulau Pinang lebih peka serta menerapkan nilai-nilai murni dalam tetangga terutamanya dalam inisiatif menangani kejadian jenayah di negeri ini.

Beliau berkata demikian ekoran kejadian ragut menyayat hati membabitkan seorang warga emas, mendiang Tan Kim Chuan, 60, yang meninggal dunia selepas menjadi mangsa ragut pada 10 Julai lalu berhampiran Blok J, Rukun Tetangga, Padang Tembak, Air Itam di sini.

Melalui rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi kejadian, selepas diragut dipercayai pembonceng sebuah motosikal kira-kira jam 6.02 pagi, mangsa telah terjatuh terlantar di bahu jalan dalam keadaan separa sedar dan kesakitan.

Dalam tempoh kira-kira 10 minit, mangsa dibiarkan walaupun rakaman CCTV menunjukkan terdapat 10 individu yang melalui lokasi kejadian.

Sehinggalah empat individu yang prihatin muncul menghulurkan bantuan. Mereka ialah Mah Yoon Yee, 74; Saravana Kumar a/l Balachandran, 32; Zarolnizam Talib, 37 dan Khoo Ean Oon, 57.




**KETUA Menteri dan Ong Khan Lee (tiga dari kanan) berterima kasih dengan sikap prihatin dan timbang rasa empat individu yang bertindak membantu mangsa ragut di Padang Tembak, Air Itam di sini baru-baru ini.**

Mangsa kemudian dikejarkan ke Hospital Besar Pulau Pinang untuk rawatan lanjut, namun, ekoran kecederaan dan keretakan tengkorak yang dialami, mangsa telah meninggal dunia dan disemadikan di Tanah Perkuburan Cina Mount Erskine.

Dalam pada itu, ekoran keprihatinan dan sikap perikemanusiaan empat individu yang tampil menghulurkan bantuan, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif khas menganugerahkan sijil penghargaan khas berserta token kepada pihak-pihak berkenaan.

Guan Eng dalam reaksi beliau berterima kasih kepada mereka yang tampil membantu mangsa.

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, beliau turut menzahirkan rasa kesal dan terkejut apabila melihat rakaman CCTV dan mendapati 10 individu yang melalui kawasan kejadian tidak mempedulikan mangsa.

"Kita (Kerajaan Negeri) berasa amat kesal dan kecewa dengan sikap segelintir individu yang tidak mempedulikan mangsa dan kurang memberi kerjasama dalam menangani kes-kes jenayah di negeri ini.

"Sebagai sebuah komuniti, kita harus mempunyai rasa kebertanggungjawaban dan saling berkerjasama terutama dalam menangani jenayah agar keadaan menjadi lebih selamat.

"Kerajaan Negeri memandang serius kejadian-kejadian jenayah yang berlaku dan mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) serta memasang CCTV di kawasan-kawasan 'panas'," ujarnya pada majlis sidang akhbar dan penyampaian anugerah penghargaan khas di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kebun Bunga, Ong Khan Lee.

Sumbangan RM2,000 turut disampaikan kepada keluarga mangsa.

# ‘Doa khutbah Jumaat tidak sebut ‘gulingkan kerajaan’ – Pengerusi Qariah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Pengerusi Qariah Masjid Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Taman Guar Perahu, Permatang Pauh, Abu Bakar Bakilani Abu Hassan berasa marah, kecewa dan terkilan atas fitnah yang dilemparkan bahawa doa khutbah Jumaat disampaikan Ustaz Haji Abdullah Khairi Haji Harun ada menyebut perkataan ‘gulingkan kerajaan’ baru-baru ini.

Beliau dalam pada itu, memohon agar pihak yang menyebarkan fitnah tersebut untuk tampil memohon maaf secara terbuka kepada Jawatankuasa Qariah Masjid Taman Guar Perahu.

“Saya sangat marah, kecewa dan terkilan atas fitnah yang dilemparkan sehingga mengugat nama dan reputasi Jawatankuasa Qariah Masjid.



**ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) ditemani Abu Bakar Bakilani Abu Hassan (kanan sekali) menunujukkan salinan laporan polis berhubung isu doa khutbah Jumaat pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

“Ustaz tersebut tidak menyebut sebarang perkataan ‘guling’ mana-mana kerajaan dan tidak menyebut pun mana-mana parti politik seperti yang disiarkan oleh saluran berita perdana, Buletin Utama TV3,” ujar Abu Bakar Bakilani pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim.

Beliau berkata demikian bagi mengulas isu bacaan doa khutbah Jumaat di Masjid Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Taman Guar Perahu, Permatang Pauh pada 22 Jun 2012 yang didakwa beberapa pihak bahawa khutbah yang disampaikan ada menyebut perkataan ‘gulingkan kerajaan’.

Isu tersebut kemudian telah disiarkan di Buletin Utama TV3 pada 23 Jun dan 24 Jun lalu.

Ekoran itu, beliau telah membuat laporan polis pada 26 Jun lalu di Balai Polis Kubang Semang bagi membersihkan nama baik Masjid Taman Guar Perahu dan khatib terbabit. Pada masa sama, ia juga bagi mengingatkan pihak-pihak tertentu supaya tidak lagi menyebarkan fitnah.

Abu Bakar Bakilani memberitahu, khatib tersebut tidakpun menyebut perkataan ‘gulingkan kerajaan’ seperti yang didakwa.

Sebaliknya, beliau memberitahu bahawa doa yang dibacakan oleh khatib tersebut:-

“Berikanlah kemenangan kepada jemaah Islam ya Allah. Ya Allah, hancurkanlah orang-orang yang memberikan penindasan, menyeleweng dan menipu. Jatuhkanlah mereka dalam pilihanraya akan datang.”

Dalam pada itu, Abdul Malik menasihati umat Islam di Pulau Pinang agar tidak mengadu-domba perkara-perkara berkaitan kepentingan umat. Malah, turut menyeru media massa memaparkan fakta sahih agar tidak timbul isu yang boleh mengancam dan menjatuhkan martabat umat Islam.

# “Isu sijil tauliah peguam syarie bukan isu besar” - Ahmad Irwan

**GEORGE TOWN –** Isu sijil tauliah peguam syarie di negeri ini yang dimainkan pihak pembangkang baru-baru ini dilihat sebagai tindakan yang cuba menimbulkan reputasi buruk Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Antarabangsa dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim berkata, ‘serangan’ itu jelas menunjukkan bahawa mereka (UMNO) cemburu dengan kejayaan cemerlang dan Kerajaan Negeri dalam menguruskan hal ehwal agama Islam dengan begitu baik berbanding sebelumnya.



**BAGAN –** Inisiatif Kerajaan Negeri menaiktaraf Pasar Awam Sri Bandar, Butterworth di sini bakal membantu para peniaga menjana pendapatan dalam suasana lebih selesa dan teratur dengan penyediaan kira-kira 167 petak jualan (gerai) dan juga kemudahan lengkap.

Projek yang dijalankan dalam tempoh lapan bulan bermula 1 Jun lalu hingga 4 Februari 2013 bakal menelan belanja sebanyak RM1.89 juta.

Pengimplementasian projek tersebut merupakan sebahagian daripada pelan bernilai RM10 juta Kerajaan Negeri berhubung insiatif menaiktaraf seluruh pasar awam di Seberang Perai yang mana termasuk kerja-kerja penyediaan gerai, tandas, kerja mekanikal, elektrikal dan menaikkan bumbung lebih tinggi bagi pengaliran udara lebih baik.

Dalam pada itu, walaupun pasar awam tersebut dimodenkan, namun, kadar sewa antara RM30 hingga RM120 sebulan (bergantung kepada jenis jualan) bakal dikekalkan demi kebajikan para peniaga di lokasi berkenaan.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yow berkata, bagi membolehkan kerja menaiktaraf dijalankan, para peniaga bakal dipindahkan ke lokasi sementara terletak berhadapan kawasan asal.

"Kesulitan selama lapan bulan yang bakal dihadapi para peniaga akan terbela selepas siapnya kompleks pasar baru yang lebih selesa, bersih dan hijau.

"Saya percaya, kalau pasar bersih, semua orang nak datang, maka, peniaga pun boleh mendapat hasil jualan yang lebih baik," katanya sempena lawatan kerja ke Pasar Awam Sri Bandar, Butterworth di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng Yang diPertua MPPP, Maimunah Mohd. Sharif dan Setiausaha Majlis MPSP, Rozali Mohamud.



**LAKARAN grafik Pasar Awam Sri Bandar, Butterworth yang bakal dinaiktaraf dalam tempoh lapan bulan sehingga Februari 2013.**

## Keuntungan selepas cukai PBAHB naik 74 peratus

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**



**KETUA Menteri ditemani Mansor Othman (kiri sekali), Prof. Dr. P. Ramasamy (kanan sekali) dan Jaseni Maidinsa (kanan sekali) pada majlis sidang akhbar pengumuman keuntungan PBAHB di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** PBA Holding Bhd. (PBAHB) mencatatkan peningkatan keuntungan selepas cukai (PAT) bagi tahun terakhir 31 Disember 2011 sebanyak 74 peratus kepada RM45.7 juta pada 2012 berbanding tahun 2010 sebanyak RM26.2 juta.

Ketua Menteri merangkap Pengerusi PBAHB, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, keuntungan tersebut di antaranya dipacu oleh hasil yang lebih tinggi berikutan semakan semula tarif dagangan, peningkatan dalam pendapatan operasi dan pengurangan perbelanjaan cukai pendapatan.

"Hasil lebih tinggi daripada penggunaan perdagangan diperoleh akibat semakan semula tarif perdagangan yang telah diperkenalkan mulai 1 November 2010 berikutan pertumbuhan ekonomi lebih kukuh pada 2011.

"Inisiatif ini juga telah meningkatkan pendapatan operasi lain daripada pemulihan dan pembalikkan hutang lapuk, gantirugi yang ditetapkan dan caj lain serta keuntungan dalam pelupusan pelaburan ekuiti," ujarnya pada satu sidang media selepas Mesyuarat Agung Tahunan PBAHB Ke-12 baru-baru ini di sini.

Tambah Guan Eng, tarif air bagi penggunaan domestik di Pulau Pinang adalah yang paling rendah dalam negara.

"Tarif air di Pulau Pinang untuk penggunaan domestik sehingga 35,000 liter sebulan adalah yang paling rendah di Malaysia iaitu RM0.31 bagi setiap 1,000 liter. Manakala, tarif perdagangan kita juga antara yang terendah dalam negara bagi pengambilan sehingga 500,000 liter sebulan," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut mengumumkan pencapaian PBAHB di peringkat antarabangsa ekoran kejayaan merangkul anugerah, *International Waterlinks Award 2011* daripada Waterlinks.

"Penganugerahan tersebut adalah hasil usahasama *International Water Association* (IWA), the *Asian Development Bank* (ADB) dan *United States Agency for International Development* (USAID) dalam membantu PDAM Tirta Musi Palembang memperbaiki bekalan air secara berterusan dan meningkatkan akses kepada air minuman yang selamat buat 150,000 penduduk di sana," jelasnya.

Hadir sama Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Pengurus Besar PBA, Ir. Jaseni Maidinsa.

# Gambar risalah terbitan BN tidak logik




CHOW Kon Yeow (kanan) dan Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Kota, Lau Keng Ee menunjukkan risalah terbitan BN yang tidak logik dengan fakta tidak tepat.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

GEORGE TOWN – Exco Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas menuntut Ketua Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang, Teng Chang Yeow bertanggungjawab sepenuhnya ke atas satu risalah terbitan pihaknya berhubung dakwaan kononnya Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) telah merancakkan pembangunan hingga memusnahkan kawasan hijau di sekitar persisir pantai Batu Feringhi baru-baru ini.

Dalam satu kenyataan dikeluarkan Exco terbabit, Chow Kon Yeow, menyatakan bahawa risalah empat muka surat tersebut berniat jahat apabila memaparkan dua imej gambar yang masing-masing ditujukan ketika pemerintahan BN dan PR kini.

"Saya ingin membuat rujukan khusus kepada salah satu muka surat bertajuk, 'Kami mahu menyelamatkan bukit' yang memaparkan dua imej dipercayai diambil dari sumber *google*.

"Versi awal risalah tersebut yang merujuk kepada satu sidang akhbar pada 4 Julai lalu seolah-olah telah dipinda untuk menunjukkan perbandingan tidak logik dan palsu bagi tempoh antara April 2010 dan September 2010.

"Dalam pada itu, bagi versi terkini bertajuk, 'Bekas Kerajaan Pemerintahan BN' dan imej kedua, 'Pemerintahan Kerajaan Terkini PR', perbandingan menunjukkan gambar berbukit-bukit yang kehijauan ketika era pemerintahan BN dan gambar kedua meperlihatkan pelbagai projek pembangunan yang telah mengurangkan kawasan hijau di lokasi tersebut," ujarnya di sini baru-baru ini.

Tegas Kon Yeow, semua lima projek yang dilihat dalam imej tersebut adalah projek yang telah diluluskan semenjak pemerintahan BN lagi.

"Daripada lima projek tersebut hanya dua projek diluluskan selepas bulan Mac 2008 kerana melibatkan kelulusan diberikan untuk pindaan berdasarkan kebenaran sebelumnya, contohnya, projek Hilltop Solid Tribute Sdn. Bhd. yang mana ia melibatkan pengurangan daripada 28 unit banglo kepada 22 unit sahaja," jelas beliau.



M.Turaisingam (berdiri, tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama rakan sepasukan sambil memegang sijil penghargaan bersempena Program Derma Darah anjuran PPS Taman Perai/ Emas di sini baru-baru ini.

## PPS Perai anjur Program Derma Darah

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**SEBERANG PERAI –** Tahap kesedaran tentang kepentingan menderma darah yang semakin meningkat telah mendorong Pasukan Peronda Sukarela (PPS) Taman Perai/ Emas mengadakan satu Kempen Derma Darah baru-baru ini di sini.

Ini terbukti apabila hampir 60 penderma dari pelbagai lapisan masyarakat hadir dalam tempoh beberapa jam selepas program tersebut dilancarkan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Setiausaha PPS Taman Perai/Emas, M.Turaisingam berkata, khidmat PPS bukan saja terhad kepada meronda dan menjaga keselamatan semata-mata, sebaliknya, juga mengendalikan program-program berorientasikan keselamatan, kejiranan serta perpaduan.

"Program dengan kerjasama Jabatan Derma Darah Hospital Seberang Jaya ini adalah julung kali diadakan oleh PPS dan saya amat terharu dengan sambutan yang diberikan.

"Dengan menderma darah, kita menjadi 'penyelamat' untuk 'menyelamatkan' orang pada masa-masa kecemasan," ujarnya semasa berucap pada Program Derma Darah di Taman Perai/Emas baru-baru ini di sini.

Turut hadir, Penyelaras PPS Negeri Pulau Pinang, A.Manickan, Ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Senangin, Taman Inderawasih, Taman Teluk Indah dan Taman Chai Leng.

Sementara itu, sebelum ini, pasukan tersebut turut menganjurkan Kempen Kesedaran 4K atau 'Konsep Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan' diterapkan dalam kalangan kanak-kanak Pulau Pinang bermula dari rumah.

Tambah Turaisingam, isu lambakan sampah, wabak denggi, kes pecah rumah, ugut, buli dan sebagainya boleh diselesaikan apabila pihak tertentu berjaya menyedarkan setiap warga setempat supaya lebih bertanggungjawab.

## Sambutan Ulangtahun Tapak Warisan Ke-4 penuh warisan



PARA penarik beca menunjukkan tanda bagus bersempena penganjuran Sambutan Ulangtahun Ke-4 George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Bersempena Sambutan Ulangtahun ke-4 George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO tahun ini, hampir 50 aktiviti kebudayaan dan warisan merangkumi persembahan kesenian dan budaya, rumah terbuka, permainan tradisional, pameran serta bazar makanan telah diadakan sepanjang tiga hari bermula 6 Julai sehingga 8 Julai baru-baru ini.

Bertemakan *'Live Heritage'* atau Warisan Hidup, sambutan kali ini adalah lebih meriah, muhibah dan bermakna apabila jalan-jalan sekitar Tapak Warisan Dunia diserikan dengan pelbagai gelagat pelancong dan aktiviti kebudayaan.

Keunikan George Town yang mempunyai kepelbagaian budaya dan etnik serta nilai estetika unggul telah mendapat pengiktirafan UNESCO.

Malah, susur galur sejarahnya sebagai pusat perdagangan antarabangsa antara Kepulauan Melayu, Tanah Besar China, India dan Eropah telah melahirkan kepelbagaian dalam senibina, bahasa dan budaya di Pulau Pinang.

"Keseirasan dan penumpuan *(convergence)* terhadap keunikan yang ada telah menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri dengan kerjasama semua pihak menyokong sepenuhnya inisiatif pemuliharaan warisan yang tidak ternilai ini termasuk program-program pembelajaran, pembangunan dan penyelidikan serta konservasi," ujar Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang turut serta dalam program *'Streets of George Town'* di sini baru-baru ini.

Dalam program *'Streets of George Town'*, pimpinan negeri termasuk wakil-wakil kedutaan dari Thailand, Australia, Finland, Perancis dan India dibawa menaiki beca dari Jalan Padang Kota Lama ke bangunan Persatuan Teochew Pulau Pinang, Lebuh Gereja bagi menikmati minuman dan makanan tradisi kaum Teochew.

Selain itu, delegasi turut melawati kawasan Masjid Kapitan Keling, Kampung Kolam dan muzium mini di Dewan Makam Noordin bagi menyaksikan sejarah kewujudan kaum India Muslim dan industri Barakath di Pulau Pinang.

Delegasi turut dibawa melawati Khoo Kongsi Cannon Square, Lebuh Acheh, Lorong Lumut, Lorong Soo Hong dan Lebuh Armenian bagi menyertai pelbagai aktiviti kebudayaan dan festival yang diadakan. Ternyata, keterujaan dan keunikan kaum serta budaya telah merubah lanskap George Town pada hari tersebut.

Sambutan yang mendapat kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Pusat Warisan Dunia dan *Penang Global Tourism (PGT)* turut mendapat sokongan daripada Yayasan Agama Islam Pulau Pinang, Persatuan Muslim Pulau Pinang, Gabungan Liga Muslim, Badan Warisan Masjid Melayu Lebuh Acheh, the *Clan Councils of Penang*, the *Indian Muslim Community Malaysia, Malaysian Indian Chamber of Commerce* dan badan-badan bukan kerajaan lain.

# *Pendrive* buatan Malaysia di P. Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BAYAN BARU –** Nekad Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengarah *Phison Electronis Corporation (PEC)* (syarikat yang berjaya menghasilkan pemacu pena berintegrasi *system on chips* (SOC) dunia), Pua Khein-Seng memilih Pulau Pinang untuk perkembangan pelaburannya adalah ekoran kepakaran serta fasiliti bertaraf negara maju yang ditawarkan di negeri ini.

Khein-Seng berkata, Pulau Pinang mempunyai kepakaran, malah fasiliti berteknologi tinggi setaraf negara maju yang lain.

"Justeru, saya melabur di sini untuk menghasilkan pemacu pena *(pendrive)* buatan tempatan melalui perkongsian pintar bersama syarikat tempatan, Hotayi Electronic (M) Sdn. Bhd. (HESB) dan SilTerra Malaysia," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng dan Ketua Pegawai Eksekutif SilTerra Malaysia, Dr. Kamarulzaman Mohamed Zin.

Khein-Seng memberitahu bahawa pemacu pena yang bakal dikeluarkan adalah 100% buatan Malaysia dan beliau berharap agar rakyat Malaysia dapat menyokong penghasilan produk berkenaan.

"Pada peringkat permulaan, pemacu pena tersebut bakal dipasarkan dalam pasaran Asia sebelum dieksport ke Timur Tengah dan Eropah," jelas beliau.

Dalam pada itu, Dr. Kamarulzaman menyatakan bahawa SilTerra bakal terlibat dalam pemasangan struktur *nano-scale* serta rekabentuk CMOS bagi *Intergrated Chips* (IC).

Sebelum ini, PEC juga telah melabur USD$2 juta (RM6.28 juta) untuk fasiliti HESB yang terletak di Taman Perindustrian Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah di sini.




**KETUA Menteri menunjukkan *pendrive* buatan tempatan pertama dunia menggunakan intergrasi *system on chips* oleh PEC sambil ditemani Pua Khein-Seng (kanan) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

## Sasar 5 juta pelancong menjelang 2014

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BAYAN BARU –** Pulau Pinang menyasarkan seramai 5 juta pelancong yang bakal melancong ke negeri Pulau Pinang menjelang tahun 2014.



**SEBAHAGIAN wakil delegasi menunjukkan replika feri yang diterima daripada Kerajaan Negeri sempena penganjuran *Penang International Travel Mart 2012.***

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng ekoran statistik Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) yang mencatatkan peningkatan pelancong dari 10 peratus kepada 48 peratus bagi tahun 2010 dan 2011. Selain pelancong Singapura, Indonesia dan China, turut tersenarai adalah dari Amerika Syarikat serta Jepun.

"Ekoran peningkatan tersebut, kapasiti LTABL juga sedang dipertingkatkan melalui kerja-kerja pembesaran lapangan terbang membabitkan tujuh fasa.

"Justeru, saya amat berharap fasa yang dijalankan kini adalah 'fasa terakhir' dan dapat disiapkan sepenuhnya pada tarikh dijangka iaitu pada November nanti. Harap ia adalah yang terakhir kerana 'kita' sudah penat menunggu," katanya ketika merasmikan *Penang International Travel Mart 2012* di sini baru-baru ini.

Bersempena penganjuran tersebut, sebanyak 50 agen, pembeli, dan wakil media dari 13 negara seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, India, Australia dan Sweden terlibat dalam penganjuran berkenaan.

Turut hadir, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, selepas diiktiraf sebagai Bandar Warisan (George Town) oleh UNESCO, Pulau Pinang telah dikenali sebagai bandar pelancongan dan lanjutan itu, kerja baik pulih telah dilakukan pada struktur bangunan untuk dijadikan hotel, restoran serta butik.

Tambahnya, CNN turut menyenaraikan makanan tradisi Pulau Mutiara, Asam Laksa sebagai antara tujuh makanan paling sedap di dunia. Malah, *Yahoo Travel* menyenaraikan Pulau Pinang antara '10 pulau yang wajib dikunjungi sebelum anda mati'.

## *Blaupunkt* pilih P. Pinang




**(Dari kanan), LARS Planke, Goh Kok Teow, Ketua Menteri dan Mukhriz Mahathir semasa Majlis Pelancaran Kilang *Blaupunkt* di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT TENGAH -** Pulau Pinang seakan diiktiraf lagi sebagai destinasi pelaburan pilihan terbaik dunia apabila syarikat automotif infotainment dari Jerman, *Blaupunkt* membuka tapak kilang baru dengan nilai pelaburan RM88 juta.

Itu, tidak termasuk RM40 juta lain yang dilaburkan selepas lima tahun mendatang di kilang sama.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri bangga dengan langkah yang diambil oleh syarikat gergasi antarabangsa itu.

"Saya berasa bangga apabila *Blaupunkt* memilih Pulau Pinang sebagai satu-satunya destinasi pelaburan terbaik di Malaysia.

"Kehadiran kalian (*Blaupunkt*) hanya akan menambahkan lagi iltizam (Kerajaan Negeri) di Pulau Pinang untuk menarik jenama terbaik dunia khususnya dalam produk berteknologi tinggi dan terkini ke sini," ujar beliau baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Mahathir, Dr. Lars Planke (Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan *Blaupunkt*) dan Goh Kok Teow (Pengarah Urusan *Blaupunkt* Malaysia) turut berucap pada majlis perasmian itu di Kawasan Perindustrian Bukit Tengah, di sini.

*Blaupunkt* memilih Pulau Pinang sekarang semasa negeri itu diiktiraf sebagai jaguh pelaburan asing langsung (FDI) berbanding negeri-negeri lain.

Jumlah pelaburan Pulau Pinang bagi tahun 2010 berjumlah RM12.2 bilion manakala RM9.1 bilion pelaburan diperoleh pada tahun berikutnya.

Pencapaian itu menjadikan Pulau Pinang menyumbang 28 peratus atau RM17.7 bilion FDI Malaysia bagi tempoh dua tahun berturut-turut.

Operasi *Blaupunkt* yang merupakan sebahagian dari Kumpulan Robert Bosch sebenarnya wujud di Malaysia sejak 1973 lagi.

Dengan pembukaan tapak baru kilang tersebut sekarang, Guan Eng berkata, *Blaupunkt* mewujudkan kira-kira 70 lagi peluang pekerjaan dalam kejuruteraan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta tenaga profesional.

Beliau turut memuji *Blaupunkt* kerana semua 330 pekerja di syarikat itu adalah warganegara.

"Tiada pekerja asing di sini. Ia (*Blaupunkt*) benar-benar untuk rakyat Malaysia, inilah semangat 'Malaysia Boleh' yang sejati," ujar beliau.




SAMSUDDIN Yacob (tengah) dan Siti Noriza (kanan) memasukkan kertas ke dalam tong kitar semula kertas sebagai gimik pelancaran Sudut Sisa Sifar di JKKK Kubang Semang/Sungai Semambu baru-baru ini di sini.

# Sudut Sisa Sifar mudah, murah & praktikal

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PERMATANG PASIR –** Bagi meningkatkan kesedaran warga luar bandar terhadap konsep sisa sifar dan kepentingan pengasingan sampah sarap, Sudut Sisa Sifar (*Zero Waste Corner*) di bawah kelolaan *Penang Green Council (PGC)* telah dilaksanakan di Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Kubang Semang/Sungai Semambu baru-baru ini di sini.

Pengimplementasian projek tersebut adalah susulan daripada beberapa Sudut Sisa Sifar yang dilancarkan sebelum ini di bawah Program Kampungku/Komunitiku, Bersih dan Hijau.

Penghulu Permatang Pasir, Samsuddin Yacob yang hadir semasa pelancaran projek berkata, sudut tersebut menggunakan konsep mudah, murah dan praktikal untuk diamalkan.

"Beberapa tong yang dilabel telah disediakan untuk mengitar semula bahan-bahan seperti botol minuman air mineral, tin aluminium, kotak, sisa elektronik, botol kaca, suratkhabar serta bahan bacaan.

"Projek ini tidak memakan kos berpuluh-puluh ribu ringgit, apa yang diperlukan hanyalah satu sudut dewan dan tujuh buah tong besar," ujarnya pada Majlis Pelancaran Sudut Sisa Sifar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar PGC, Thing Siew Shuen, wakil Timbalan Ketua Menteri I, Ibnuataillah Hashim dan Pengerusi JKKK, Siti Noriza.

Samsuddin memberitahu bahawa hasil jualan barang kitar semula tersebut akan digunakan untuk program-program masyarakat setempat.

"Bahan-bahan yang telah dikumpulkan akan dijual kepada syarikat kitar semula dan wang yang diperoleh akan disalurkan ke dalam tabung JKKK yang akan digunakan untuk kebajikan masyarakat atau komuniti setempat," ujarnya.


Penaja *Imperial Penang Green Expo 2012*



# SUKMA XV – kontinjen negeri lepasi sasaran pingat emas

| NEGERI | | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| Terengganu | 62 | 24 | 30 | 116 |
| Selangor | 47 | 53 | 57 | 157 |
| Pahang | 44 | 39 | 38 | 121 |
| Sarawak | 42 | 31 | 38 | 111 |
| Wilayah Persekutuan | 33 | 38 | 45 | 116 |
| Pulau Pinang | 32 | 18 | 21 | 71 |
| Kedah | 23 | 20 | 21 | 64 |
| Johor | 18 | 40 | 34 | 92 |
| Sabah | 18 | 20 | 52 | 90 |
| Negeri Sembilan | 16 | 29 | 23 | 68 |
| Perak | 14 | 26 | 38 | 78 |
| Kelantan | 13 | 10 | 15 | 38 |
| Melaka | 7 | 19 | 18 | 44 |
| Perlis | 4 | 5 | 12 | 21 |
| Brunei | 0 | 0 | 4 | 4 |
| JUMLAH | 373 | 372 | 446 | 1191 |

**KEPUTUSAN akhir SUKMA XV.**

**GEORGE TOWN –** Tahniah! Hasil komitmen tinggi para atlit negeri, sebanyak 32 pingat emas berjaya dipungut kontinjen Pulau Pinang melepasi sasaran 25 pingat emas pada Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) yang berlangsung di Pahang baru-baru ini.

Secara keseluruhan, jumlah pungutan pingat adalah sebanyak 71 pingat iaitu 32 pingat emas, perak (18) dan gangsa (21) melayakkan Pulau Pinang berada pada tangga keenam terbaik negara.

Johan, Terengganu dengan 116 pingat, diikuti Selangor (157 pingat), Pahang (121 pingat) dan Sarawak (111 pingat).

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, acara Karate menyumbang pingat emas terbanyak, iaitu lima pingat.

Mereka yang menyumbang pingat emas adalah Thor Chee Yee melalui kategori Kata Individu Wanita, Lim Chee Wei (Kata Individu Lelaku), Nur Eleena Aris Abd. Malik (Kumiye Wanita Individu Bawah 45 kilogram).

Goh Chan Yit, Loh Chun Sheng dan Joshua Wong menyumbang pingat emas dalam acara Karate kategori Kaya Pasukan Lelaki.

Manakala, Celine, Yee Xin Yi, Khaw Yee Voon dan Thor Chee Yee pula menyumbang pingat emas dalam acara Karate kategori Kata Pasukan Wanita.

Acara lain yang menyumbang emas kepada kontinjen Pulau Pinang adalah gimnastik (1), akuatik (4), pencak silat (1), angkat berat (4), wushu (3), olahraga (2), sepak takraw (2), tenpin bowling (1), memanah (5), skuasy (2) dan tinju (2).

## Projek Perintis BRG erat hubungan tetangga

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Bagi mengeratkan hubungan sesama tetangga dalam menjana semangat bersatu-padu, saling bantu-membantu dan gotong-royong dalam komuniti, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang *(Penang Women's Development Corporation – PWDC)* mengadakan usahasama bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) berhubung pelaksanaan Projek Perintis Bajet Responsif Gender (BRG) di sini baru-baru ini.

Program komuniti yang meletakkan keutamaan kepada keperluan rakyat melalui strategi pemerkasaan dan inklusiviti di bawah Dasar Gender dan Advokasi PWDC telah dijalankan di Flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Jalan Sungai, Sungai Pinang dan Flat PPR Ampangan, Ampang Jajar.

Kejayaan program yang turut membabitkan penganjuran kepelbagaian aktiviti termasuk senamrobik dan pameran korporat juga dijayakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Yang diPertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail menyatakan bahawa program tersebut merupakan usahasama pintar di antara MPPP dan PWDC yang dilihat memberi impak padu dalam pembangunan setempat.

Dalam pada itu, Yang diPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif turut menyeru penduduk setempat supaya memberi kerjasama serta sokongan bukan sahaja kepada MPSP, malah, juga PWDC dalam menjayakan projek yang bakal dilaksanakan bagi tempoh tiga tahun.

Program tersebut dirasmikan Ahli Parlimen Jelutong, Ooi Chuan Aun di bahagian pulau Pulau Pinang. Turut hadir, Pengarah Projek Perintis BRG, Aloyah Bakar.

Di Ampang Jajar, Setiausaha Perbandaran MPSP, Rozali Mohamud; Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPSP, Mat Nasir Hassan dan Penolong beliau, Ahmad Syahrir Jaafar; Ketua Pengarah PWDC, Sri Husnaini Sofjan dan wakil Polis diRaja Malaysia, cawangan Seberang Perai Tengah, Inspektor Mohamad Illias Jamaluddin turut hadir sebagai dif-dif jemputan khas.

## Perpustakaan Permainan di Balik Pulau

Oleh :**ZAINULFAQAR YAACOB**

**BALIK PULAU -** Satu lagi Perpustakaan Permainan dibuka di sini baru-baru ini hasil inisiatif Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan badan bukan kerajaan (NGO), Sim Children & Klinik Jantung Kanak-Kanak.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow berkata, usaha mewujudkan Perpustakaan Permainan dapat menyemarak hubungan harmoni kanak-kanak dengan ibu bapa masing-masing.

"Permainan digital internet dipercayai boleh mengakibatkan gejala sosial dalam kalangan kanak-kanak jika tiada kawalan daripada ibu bapa. Tetapi, alat permainan di perpustakaan ini adalah sangat selamat dan tak boleh mendedahkan kanak-kanak pada perkara negatif.

"Pada masa sama, kanak-kanak akan lebih mesra dan harmoni dengan ibu bapa mereka masing-masing di sini (Perpustakaan Permainan)," ujar beliau di Dewan MPPP di sini baru-baru ini.

Majlis perasmian Perpustakaan Permainan yang sepatutnya dirasmikan oleh Presiden Pertubuhan Wanita Pulau Pinang, Betty Chew (isteri Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) diwakili oleh Kon Yeow.

Sebelum itu, Dr. Sim Joo Seng selaku penasihat projek merangkap wakil NGO berkenaan berkata, idea mewujudkan Perpustakaan Permainan direalisasikan sejak dua tahun lepas.

Kini, katanya lagi, terdapat 17 Perpustakaan Permainan di seluruh Pulau Pinang sungguhpun pihaknya mensasarkan untuk menubuhkan 20 perpustakaan menjelang akhir Julai ini.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada MPPP kerana mengenakan sewa dewan Perpustakaan Permainan serendah RM10 sebulan. Pada masa sama, rakaman penghargaan turut diberikan kepada industri makanan, *Pasific West* kerana menaja majlis perasmian itu.

**Perpustakaan Permainan Balik Pulau dibuka tiga hari seminggu, iaitu pada hari Rabu bermula jam 3.30 petang hingga 6.00 petang, Sabtu (1.30 petang hingga 4.30 petang) dan Ahad (10.30 petang hingga 1.30 petang).**



**CHOW Kon Yeow (kanan sekali) menemani seorang kanak-kanak bermain bola pada Majlis Pelancaran Perpustakaan Permainan di Balik Pulau di sini baru-baru ini.**

# MPSP jadi mangsa khianat siber



STEVEN Sim Chee Keong.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PERDA -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dengan kerjasama Telekom Malaysia (TM) sedang mengambil langkah pembaikan dan berjaga-jaga bagi membendung kejadian 'serangan' sistem rangkaian menggunakan modus operandi *Denial Of Service (DOS)* oleh pihak tidak bertanggungjawab sebagaimana yang berlaku baru-baru ini di sini.

Ahli Majlis MPSP, Steven Sim Chee Keong berkata, ekoran kejadian pada 21 Jun lalu yang sama sekali 'melumpuhkan' sistem rangkaian MPSP, pihak berkuasa tempatan terbabit kini sedang menjalankan kerjasama dengan penyedia rangkaian, TM bagi memastikan kejadian tersebut daripada berulang.

"Malah, terdapat juga kemungkinan kami (MPSP) akan melaporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berhubung perkara ini," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.

Pada 21 Jun lalu, jalur rangkaian MPSP didapati sesak dengan kemasukan protokol internet (IP) yang tidak dikenali sehingga menyebabkan para pengguna gagal melayari laman web MPSP. Malah, emel luaran serta kakitangan MPSP turut tergendala.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan lain yang turut terjejas adalah pembayaran dan penilaian dalam talian, membuat aduan, pemeriksaan status serta lesen, permohonan tender serta kemudahan rekreasi MPSP.

Kata Chee Keong, beliau tidak menolak kemungkinan bahawa kejadian tersebut adalah bermotifkan politik.

"Ini kerana, pada hari sama, laman web *Malaysiakini* dan parti DAP turut menerima nasib yang sama," jelasnya lagi.



PARA penguatkuasa MPPP sedang merobohkan papan iklan haram di persimpangan Jalan Perak/Jalan Anson di sini baru-baru ini.

# MPPP tegas roboh papan iklan haram

Oleh : **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN –** Tindakan tegas Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) merobohkan papan-papan iklan 'haram' di sini membuktikan bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit sentiasa memantau dan mengambil serius perkara berbangkit tersebut.

Terbaru, papan iklan di persimpangan Jalan Perak/Jalan Anson yang tidak memperoleh kelulusan PBT dan agensi-agensi berkaitan telah dirobohkan menjadikan sebanyak enam papan iklan (secara keseluruhan) telah diambil tindakan pihak MPPP bermula awal tahun ini hingga kini.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, sebelum bertindak merobohkan papan-papan iklan tersebut, MPPP telah mengeluarkan notis amaran kepada pihak terbabit untuk menarik balik pemasangan papan iklan berkaitan.

"Namun, notis tersebut tidak diendahkan sehingga 'memaksa' MPPP mengambil tindakan merobohkannya," katanya semasa operasi perobohan dijalankan pasukan Penguatkuasa MPPP di sini baru-baru ini.

Mengulas tentang papan iklan yang dirobohkan, Ah Teong menyatakan kesalahan pihak yang memasang papan iklan tersebut bukan sahaja memasang di atas tanah kerajaan tanpa kebenaran dan tidak mengikut saiz ditetapkan, malah, tiada sebarang permohonan diterima MPPP berhubung insiatif tersebut.

Dalam pada itu, tambah beliau, terdapat beberapa garis panduan yang mesti dipatuhi sebelum sesebuah papan iklan dibenarkan.

"Antaranya, permohonan mestilah mempunyai pengesahan daripada arkitek, mempunyai insuran; hanya dua saiz dibenarkan iaitu 10 kaki x 40 kaki dan 20 kaki x 60 kaki dan jarak papan iklan mestilah 50 kaki dari selekoh," jelas beliau.

# Tuntutan bayaran parkir KPABP bermula 16 Julai



GOOI Seong Kin.

**BALIK PULAU –** Orang ramai yang telah membuat bayaran parkir di kawasan Kompleks Pasar Awam Balik Pulau (KPABP) di sini sebelum 1 Julai lalu boleh membuat tuntutan balik bermula 16 Julai lalu.

Ini kerana, menurut Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Gooi Seong Kin, pembayaran parkir bagi kawasan terbabit masih belum lagi dikuatkuasakan MPPP.

"Kutipan bayaran parkir tidak boleh dilakukan lagi kerana terdapat beberapa perkara teknikal yang masih belum disiapkan sepenuhnya oleh kontraktor dilantik," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Katanya lagi, parkir di kawasan berkenaan masih diisytiharkan percuma sehingga satu tarikh yang akan diumumkan MPPP kelak.

"Justeru, orang ramai yang ingin membuat tuntutan bayaran balik sila bawa resit asal dan kemukakan di kaunter MPPP Balik Pulau," jelas beliau.

# Bayar segera cukai taksiran demi majukan negeri

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SEBERANG PERAI -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyeru orang ramai menjelaskan bayaran cukai taksiran masing-masing bagi mengelak dikenakan sebarang tindakan undang-undang.

Tindakan tersebut adalah termasuk rampasan harta alih, lelongan awam harta alih, kes diserah kepada panel peguam untuk tindakan mahkamah, kes diserah kepada pasukan khas atau *debt collector* (pemungut cukai) dan kes akan dikaveat.

Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee dalam kenyataannya berkata, berdasarkan laporan prestasi cukai taksiran penggal pertama 2012 (1 Januari hingga 30 Jun 2012), hasil cukai semasa yang dikutip adalah RM 59.9 juta manakala hasil cukai tunggakan, RM 7.81 juta.

"Berdasarkan hasil cukai semasa yang dikutip, jumlah tersebut mencatatkan pengurangan 48.6 peratus daripada jumlah sasaran, RM117.1 juta secara keseluruhan. Malah, bagi hasil cukai tunggakan adalah sebanyak 49.01 juta daripada jumlah sasaran, RM 132.1 juta," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Lip Chee menambah, bagi statistik waran, jumlah kes terlibat adalah sebanyak 5,238.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,121 kes adalah membabitkan Borang H dan Borang G, 117," jelasnya.

Beliau menyatakan bahawa, kawasan komersial yang mencatatkan tunggakan tertinggi adalah Bandar Perai Jaya dan Megamall dengan nilai RM12.26 juta, diikuti, Plaza Utama (RM 8.6 juta), Pusat Perniagaan Maju (RM4.58 juta), Plaza Impian Jalan Rozhan (RM 1.23 juta) dan Plaza Bukit Mertajam (RM 1.06 juta).

"Antara rumah kediaman yang mencatatkan tunggakan tertinggi adalah Taman Bidara sebanyak RM 0.45 juta, Taman Tasek Mutiara (RM 0.42 juta), Kondominium Mutiara (RM 0.37 juta) dan Taman Inderawasih (RM 0.36 juta).

"Tunggakan cukai klinik bagi tempoh sama adalah berjumlah RM 359,437.38," ujar beliau.



SOON Lip Chee.

Dalam pada itu, katanya lagi, jumlah tunggakan cukai taksiran penggal pertama tahun ini adalah sebanyak RM 9.06 juta.

Lanjutan itu, Lip Chee turut menyeru supaya orang ramai menjalankan tanggungjawab masing-masing memandangkan cukai juga adalah sumber bagi memajukan sesebuah negeri.

# Persembahan paramotor sambut TPO Forum 2012

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Penganjuran pertunjukan paramotor dan aerobik sempena penganjuran *5th Tourism Promotion Organisation (TPO) Forum 2012* yang bakal berlangsung pada 17 hingga 20 September ini ternyata mendapat sambutan hebat dalam kalangan masyarakat tempatan dan juga luar negara.

Bahkan, pada hari berlangsungnya acara terbabit, lokasi pilihan di Padang Kota Lama di sini dibanjiri penduduk setempat dan pelancong asing.

Bersempena itu, 10 juruterbang telah didatangkan khas dari *Kelab Aero Knights Paramator Team* untuk melakukan penerbangan sambil mengibarkan bendera-bendera Malaysia, Pulau Pinang, TPO Forum 2012 dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Acara senamrobik pada pagi tersebut juga berjaya menarik hampir 2,000 penyertaan.

Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, penganjuran pertunjukan paramotor dan senamrobik tersebut adalah salah satu daripada pendekatan untuk mempromosikan TPO Forum 2012 yang semakin hampir kepada orang ramai.

"Pelbagai program telah dilakukan sebelum ini, antaranya penyerahan baju dan payung kepada pengayuh beca pada April lalu. Malah, laman sesawang TPO Forum 2012, *www.aptpo.org* juga telah dilancarkan secara rasminya baru-baru ini," katanya pada ucaptama pertunjukan paramator dan aerobik bersempena TPO Forum 2012. di Padang Kota Lama baru-baru ini.

Hadir sama, wakil sekretariat TPO Forum 2012. , Sun Jae Park, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi dan Ahli-ahli Majlis MPPP.

Patahiyah memberitahu, bagi tujuan promosi, MPPP mengambil pendekatan pengiklanan melalui bas yang mana sebanyak lapan bas Rapid Penang bakal 'dibalut' dengan mesej penganjuran TPO Forum 2012.

"Diharapkan pendekatan ini akan memberi kesan dan impak yang lebih meluas kerana semua bas-bas tersebut akan berulang-alik di sepanjang laluan berbeza dengan membawa mesej 'bergerak' penganjuran," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan bahawa beberapa acara telah disediakan sepanjang empat hari berlangsungnya TPO Forum 2012 kelak.

"Antaranya program penanaman pokok di Taman Persahabatan *(Friendship Park)*. Di mana hampir 68 Datuk Bandar akan menanam pokok bagi memperingati penyertaan mereka di dalam Forum.

"Acara kebudayaan masyarakat berbilang kaum di Malaysia akan turut dipersembahkan kepada perwakilan semasa majlis mengalukan kedatangan mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas.

"Para delegasi juga bakal berpeluang menikmati pelbagai masakan dan makanan Malaysia termasuk Asam Laksa Pulau Pinang yang telah diiktiraf berada pada kedudukan ke-7 dalam kategori 50 makanan paling lazat di dunia," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pasukan Paramotor, Datuk Barry Khoo telah menyerahkan bendera TPO Forum 2012 kepada Patahiyah untuk disampaikan kepada Sun Jae Park (wakil sekretariat TPO) yang hadir dari Korea untuk bersama-sama menjayakan program berkenaan.



AR. Patahiyah Ismail (empat dari kanan), Lydia Ong Kok Fooi (tiga dari kiri) dan Sun Jae Park (dua dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama juruterbang paramotor yang membuat persembahan khas di sini baru-baru ini.



JURUTERBANG paramotor melakukan pendaratan sambil mengibarkan bendera TPO Forum 2012 yang bakal berlangsung di Pulau Pinang pada 17 hingga 20 September 2012 ini.

# “Banjir 20 tahun tidak biasa,” KM




JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) menyampaikan hamper kepada salah seorang penduduk bersempena penganjuran Program Ramah Mesra Penduduk DUN Datok Keramat di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**DATOK KERAMAT –** “Saya sama sekali tidak boleh menerima jawapan ini seolah-olah penduduk sudah biasa menderita akibat banjir,” tegas Ketua Menteri mengulas mengenai kejadian banjir yang berlaku di Dewan Undangan Negeri (DUN) Datok Keramat di sini baru-baru ini.

Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ekoran maklum balas penduduk bahawa mereka telah biasa dengan fenomena yang berlaku sejak 20 tahun itu hingga kini. Maklum balas tersebut diberikan ketika beliau bersama pucuk pimpinan Kerajaan Negeri turun padang untuk mengedarkan nasi bungkus kepada mangsa-mangsa banjir di sini.

“Ketika menghantar nasi kepada penduduk semasa banjir, ada penduduk mengatakan kepada saya, ‘tidak apalah, kami sudah biasa’ (kejadian banjir). Saya sama sekali tidak boleh menerima jawapan ini,’’ tegasnya pada ucaptama Program Ramah Mesra Penduduk DUN Datok Keramat di sini baru-baru ini.

Katanya, sebelum ini, bagi mengatasi masalah banjir yang menghantui penduduk di sini, rancangan tebatan banjir (RTB) telah dilaksanakan berbanding kerajaan dahulu yang bersikap acuh tak acuh.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datok Keramat, Jagdeep Singh Deo turut menyatakan bahawa Kerajaan Negeri kini menggerakkan secara aktif RTB Sungai Pinang fasa dua yang dijangka menjadi jalan penyelesaian kepada masalah berkenaan.

Bersempena penganjuran tersebut, seramai 30 penduduk kurang bernasib baik turut menerima sumbangan hamper.

Turut hadir, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Pengerusi Persatuan Penduduk Kebun Lama (PPKL), Datuk Omar Merican.

Dalam pada itu, tambah Guan Eng, Pulau Pinang merupakan negeri yang tidak mempunyai mempunyai hasil komoditi seperti balak, getah, petroleum dan sebagainya, namun, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) mampu mentadbir negeri ini dengan baik di samping menyampaikan bantuan kebajikan kepada rakyat.

## KM bertemu penduduk Flat Lily



ACARA kerusi berirama penuh gelagat yang mencuit hati sempena sambutan Hari Keluarga 2012 & Majlis Jamuan Tengahari yang diadakan di Flat Lily di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU BETONG –** Sambutan Hari Keluarga 2012 & Majlis Jamuan Tengahari yang julung kali dianjurkan di Flat Lily di sini meriah dengan kehadiran Y.A.B. Ketua Menteri baru-baru ini.

Malah, keakraban dan ukhuwah yang ditonjolkan oleh penduduk adalah amat muhibbah dengan sambutan di luar jangkaan apabila Ketua Menteri turun padang meluangkan masa bersama para penduduk di sini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, program tersebut dianjurkan Pejabat PPK dengan kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

“Alhamdulillah, kalau kita tengok pada hari ini, memang jelas terpancar keharmonian kaum di sini.

“Sebelum ini, belum ada lagi Ketua Menteri yang sudi datang untuk sama-sama meraikan Hari Keluarga,” ujar Tuah yang turut menyifatkan sambutan pada hari tersebut sebagai suatu kejayaan apabila pelbagai kaum dengan pelbagai latar belakang turut serta memeriahkan sambutan.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya, Mohamad Daud Abdull Hamid; Ahli Parlimen Balik Pulau, Yusmadi Yusoff dan Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow.

Penganjuran tersebut turut diserikan dengan pelbagai acara termasuk kerusi berirama, pertandingan mewarna, pertandingan gubahan, sukaneka dan juga pameran korporat dari Jabatan Penjara Malaysia.

## Ibu tunggal anak OKU terima rumah baru

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERMATANG PASIR -** Inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang membina semula sebuah rumah sederhana di Kampung Bukit Merah, di sini menjadi harapan baru kepada seorang ibu tunggal bersama-sama tiga anaknya.

Chek Yeok Lian, 38, peniaga kecil baru-baru ini berkata, anaknya yang juga orang kurang upaya (OKU) paling gembira dengan inisiatif itu.

“Terima kasih kepada YB Salleh Man kerana banyak membantu keluarga saya.

“Inisiatif Kerajaan Negeri dan JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) Permatang Pauh ini merupakan harapan baru untuk saya sekeluarga dan menjadi kegembiraan kepada anak saya yang OKU ini,” ujar beliau kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan langsung Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man dan Saiful Azli (Penolong Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah, Bahagian Pembangunan) dan wakil JKKK Permatang Pauh.

Sebelum pada itu, Mohd. Salleh yang juga Yang DiPertua Majlis Agama Negeri Islam Pulau Pinang (MAINPP) berkata, inisiatif Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah (DTL) Seberang Perai Tengah (SPT) itu adalah hasil pemohonan Yeok Lian dan disokong oleh JKKK setempat.

“Keadaannya melayakkan beliau dibantu oleh Kerajaan Negeri. Sesiapa pun akan dibantu tanpa mengira kaum dan agama jika benar-benar layak,” ujar beliau.



(Dari kiri), SAIFUL Azli, Chek Yeok Lian, Mohd. Salleh Man dan wakil JKKK Permatang Pauh di depan rumah baru yang dijangka siap sebelum Ogos ini.

# 23 waris terima sumbangan pengurusan jenazah



SALEHIN Mohamed (tujuh dari kiri) bergambar bersama-sama sebahagian daripada penerima sumbangan khairat kematian KADUN Telok Ayer Tawar di sini baru-baru ini.

**TELOK AYER TAWAR –** Bagi meringankan beban ditanggung waris-waris sepanjang menjaga ibu bapa mereka yang uzur, sumbangan RM1,000 (setiap seorang) melalui Program Penghargaan Warga Emas (sumbangan khairat kematian) peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Telok Ayer Tawar telah diadakan di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, sejumlah 23 waris warga emas telah menerima sumbangan khas Kerajaan Negeri. Majlis penyampaian disempurnakan Pegawai Penyelaras KADUN, Salehin Mohamed.

Salehin yakin bahawa sumbangan tersebut dapat membantu para waris dalam pengurusan jenazah dan kenduri doa selamat bagi orang Islam.

"Malah, sumbangan RM1,000 ini juga dapat meringankan beban yang telah ditanggung selama ini," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Pengurusan Jenazah KADUN Telok Ayer Tawar di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Salehin turut menzahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada petugas-petugas yang telah bertungkus-lumus memastikan majlis tersebut berjalan lancar.

"Terima kasih juga kepada Penghulu Kanan, Basri Abdul Hamid dari Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara dan Penghulu Kawasan Telok Ayer Tawar, Alias Mid kerana sudi hadir bagi menjayakan program ini," ujar Salehin.

# Program Pemeriksaan Kesihatan percuma dianjur kali ke-2

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BUKIT MERTAJAM –** Sebagai inisiatif untuk terus memberi kesedaran kepada masyarakat tentang perlunya pemeriksaan kesihatan secara berkala, Program Pemeriksaan Kesihatan anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Taman Sri Kijang dengan kerjasama Persatuan Perkembangan Kesihatan Keluarga Pulau Pinang (FHDA) diadakan buat dua tahun berturut-turut.

Pengerusi JKKK Taman Sri Kijang, Tan Ken Chai berkata, program tersebut memberi impak sangat besar apabila terdapat segelintir masyarakat yang tidak tahu betapa pentingnya pemeriksaan kesihatan secara berkala.

Malah, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Chong Eng turut menekankan bahawa penyakit-penyakit kronik seperti tekanan darah tinggi serta kencing manis boleh dikawal andainya pemeriksaan awal dijalankan dan penyakit tersebut dapat dikesan.

"Justeru, saya sarankan agar masyarakat didedahkan berhubung kepentingan menjalankan pemeriksaan kesihatan secara berkala dari semasa ke semasa," katanya pada ucaptama Program Pemeriksaan Kesihatan yang diadakan di Dewan Rukun Tetangga Taman Sri Kijang di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ahli Majlis Seberang Perai Selatan (MPSP), Steven Sim Chee Keong menyatakan bahawa program komuniti tersebut bukan sahaja untuk memberi pemeriksaan kesihatan secara percuma, malah, kefahaman kepada masyarakat tentang betapa pentingnya penjagaan kesihatan.

"Program Pemeriksaan Kesihatan yang dianjurkan kini adalah kesinambungan program siri khidmat masyarakat yang pernah diadakan oleh beliau tahun lalu.

"Kali ini, pelbagai aktiviti kesihatan termasuk pemeriksaan tahap glukosa, tekanan darah, taklimat pemeriksaan kendiri payudara dan pemeriksaan Hepititis B diadakan. Malah, pengamal perubatan yang turut serta dalam program ini turut memberi taklimat ringkas tentang penjagaan kesihatan," jelasnya.




STEVEN (tiga dari kiri), Chong Eng (tiga dari kanan) dan Jawatankuasa Penduduk Taman Sri Kijang menunjukkan banting Program Pemeriksaan Kesihatan yang dianjurkan di sini baru-baru ini.



HALIL Sabri Hamid (kanan) menyampaikan mesin pemotong pokok beserta peralatan lengkap kepada Mohd. Amin Nordin ketika lawatan beliau ke JKKK Telok Bahang di sini baru-baru ini.

# Sumbangan mesin potong pokok hadapi bencana

**TELOK BAHANG -** Sebagai langkah kontigensi menghadapi bencana dan kecemasan, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Telok Bahang mengambil inisiatif khas menyampaikan sumbangan mesin pemotong pokok kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Telok Bahang di sini baru-baru ini.

Turut menerima sumbangan berkenaan adalah JKKK Pantai Acheh.

PPK Telok Bahang, Halil Sabri Hamid berkata, sungguhpun mendapat sokongan penuh daripada pihak berkuasa seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam menghadapi situasi sedemikian, namun, diharapkan JKKK turut dapat serta untuk membantu dalam operasi bencana.

"Kita tidak tahu bila akan berlaku bencana, jadi diharapkan sumbangan mesin ini boleh digunakan untuk membantu mangsa ataupun pihak-pihak yang terlibat dalam operasi menyelamat ketika kejadian bencana serta kecemasan.

"Ini termasuk kejadian ribut yang acapkali melanda kawasan sini," katanya ketika lawatan beliau ke JKKK Telok Bahang di sini baru-baru ini.

Sumbangan tersebut diterima Pengerusi JKKK Telok Bahang, Mohd. Amin Nordin.

# BN Hilang Modal & Terus Buat Fitnah :

| FITNAH UMNO | FAKTA BENAR |
|---|---|
| Penjualan tanah Bayan Mutiara dibuat secara rundingan. | Tender terbuka dijalankan dan tidak diberikan kepada kroni. |
| Hasil penjualan tanah Bayan Mutiara tidak bermanfaat kepada rakyat. | RM500 juta diperuntukkan untuk membina rumah mampu milik bermutu yang terbaik di Malaysia agar golongan tidak berada boleh hidup dengan bermaruah. |
| Harga jualan RM240 sekaki persegi terlalu rendah kerana boleh dijual dengan harga RM420 sekaki persegi. | Harga tender terbuka untuk semua. Cabar UMNO beli dengan RM420 sekaki persegi tapi UMNO tidak berani terima. |
| Rancangan pembinaan terowong ke Balik Pulau. | Tiada rancangan langsung. |
| Anti-Bahasa Malaysia kerana minta pelajar boikot Utusan Malaysia dan Berita Harian. | Minta pelajar pilih Sinar Harian (SH) yang lebih benar daripada Utusan Malaysia dan Berita Harian yang pandai sebarkan fitnah anti-PR. Bukankah SH suratkhabar Bahasa Malaysia? |
| Konspirasi besar kerana Ketua Menteri menerima kunjungan hormat Ahli Parlimen wanita PAP. | Mengapa tiada konspirasi apabila Ahli Parlimen wanita PAP turut mengadakan kunjungan hormat terhadap Wanita UMNO? |
| Ketua Menteri cakap tidak perlukan undi kaum India. | Bukti video menunjukkan bahawa Ketua Menteri mahu dan hormat semua kaum termasuk kaum India. |
| Kerajaan Negeri roboh rumah kampung orang Melayu. | Tiada sebuah rumah kampung pun dirobohkan oleh Kerajaan Negeri sebaliknya koperasi yang dipengerusikan UMNO robohkannya. |

**Ketua Menteri telah menang saman malu terhadap Utusan Malaysia sebanyak RM 250 ribu atas fitnah jahat beliau anti-Islam, anti-Melayu.**